



Husniah ketika beraksi dalam acara 100m wanita pada Sukan Komanwel di Gold Coast.

Husniah bakal menyerlah di Sukan Asia

BERITA HARIAN 17/4/2018
p. 84

Kuala Lumpur: Kemaraan ke peringkat separuh akhir pada temasya Sukan Komanwel, Gold Coast, Australia menjadi kayu ukur buat Zaidatul Husniah Zulkifli untuk keputusan lebih memberangsangkan pada Sukan Asia, Jakarta pada Ogos.

Malah antara perkara utama yang perlu dititik beratkan ratu pecut wanita itu adalah persiapan mental selain konsisten dengan larian yang dilakukan di balapan.

Itu antara nasihat diberikan bekas jaguh trek negara, G Shanti, yang masih mengikuti perkembangan sukan olahraga meskipun sudah bersara sejak 1998.

“Ia adalah satu keputusan yang baik apabila Husniah mampu mara ke pusingan separuh akhir 100m pada Sukan Komanwel.

“Saya harap Husniah dapat mencatat keputusan yang lebih baik pada Sukan Asia Jakarta. Bagi saya fizikal tidak penting tetapi ia lebih kepada persediaan mental pada hari kejohanan.

Rekod Shanti bertahan

“Catatan masa juga perlu sentiasa konsisten dan pada masa sama dia perlu mengkaji serta menilai kekuatan lawan pada Sukan Asia,” kata Shanti yang kini berkhidmat di Maybank Bandar Baru Bangi.

Di Gold Coast, Husniah yang mesra dipanggil ‘Adik’ mencipta kejutan apabila menjadi atlet pecut ketiga selepas Tan Sri Dr M Jegathesan dan G Shanti mara ke separuh akhir Sukan Komanwel, masing-masing pada 1966 dan 1998.

Pada aksi separuh akhir di Gold Coast, Husniah mencatat 11.84s selepas melakukan 11.64s pada saringan pusingan pertama.

Rekod kebangsaan masih menjadi milik Shanti dengan kepantasan 11.50s yang dilakukannya pada 1993.

Oleh Mohd Khairie Khalid